

**MB S'gor: Jangan anggap bukan Islam ancaman
Malaysiakini.com
August 29, 2011**

Ketika umat Islam menjalani hari terakhir Ramadan, Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menggesa supaya banyak salah faham penganut agama Islam yang melihat orang bukan Islam sebagai ancaman, malah mengambil sikap bermusuhan diperbetulkan.

"Meskipun Aidilfitri ini disambut khusus oleh penganut agama Islam, itu tidaklah menjadikan kita bersikap eksklusif. Maka, ambillah peluang ini untuk kita berkongsi pengetahuan tentang hal ehwal yang dituntut oleh agama Islam daripada penganutnya.

"Semoga dengan pemahaman ini akan menggalakkan sikap tolak ansur serta keakraban kemanusiaan sesama kita," katanya dalam perutusan Hari Raya Aidilfitri, yang jatuh esok.

Katanya, banyak salah faham penganut agama Islam yang melihat orang bukan Islam sebagai ancaman akan hanya memberikan imej negatif kepada ajaran Islam yang mendokong keadilan untuk semua.

"Sesungguhnya usaha memecah-belahkan masyarakat dengan alasan tidak benar adalah satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab," katanya yang dipercayai merujuk dakwaan cuba memurtadkan orang Islam walaupun tidak menyebutnya secara langsung.

Menurut Abdul Khalid, sambutan Aidilfitri mempunyai makna besar tentang hubungan sesama makhluk dan Allah subhanahu wa taala, Tuhan yang Maha Pencipta.

"Di samping amalan berpuasa sunat selama enam hari yang digalakkan sepanjang Syawal, marilah kita merenung apakah ertinya perayaan ini jika madrasah Ramadan yang telah kita ikuti tidak berjaya menyuntik keinsafan kepada kita tentang kebesaran Allah serta mengeratkan hubungan sesama kita melalui sikap adil, berkasih-sayang dan saling membantu."

Beliau juga menyarankan agar mereka yang memandu untuk pulang ke kampung, pastikan telah memperolehi kadar rehat yang cukup serta kenderaan mereka sudah diperiksa dan sesuai digunakan dengan selamat.

"Pandulah dengan cermat dan tidak terburu-buru. Semoga perayaan 'Aidilfitri kali ini dapat disambut dengan jiwa yang bermuhasabah dan penuh ceria," katanya.

"Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjemput seluruh rakyat di negeri Selangor menghadiri jamuan rumah terbuka Menteri Besar Selangor di Dataran SUK, Shah Alam, pada tanggal 1 Syawal bermula jam 11 pagi," katanya.

Merdeka

Sementara itu, dalam perutusan sempena Hari Merdeka yang dijangka akan disambut pada hari yang sama tahun ini, Khalid menekankan kepentingan rakyat bersatu padu dengan prinsip kebebasan dan keadilan.

"Dalam permahsyoran berkenaan dijelaskan bahawa negara kita mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Ia juga menekankan kepentingan rakyat bersatu padu dengan prinsip kebebasan dan keadilan," katanya.

Katanya, setelah 54 tahun Merdeka, banyak isu muncul dalam kehidupan bernegara di Malaysia dan ia menuntut kematangan pemikiran dan sikap semua pihak untuk menangannya dengan hemah dan terbuka.

"Peluang untuk mentadbir sendiri negara yang tercinta ini perlulah dilakukan dengan cara terbaik. Kita perlu mengukuhkan iltizam memerangi rasuah, kezaliman, salah guna kuasa dan kelemahan urus tadbir

yang ada," katanya dalam perutusan yang dikeluarkan pejabat beliau hari ini.

"Sesungguhnya kemerdekaan yang dikecapi bukanlah tanpa prinsip dan idea pendorong. Justeru, sempena sambutan kemerdekaan tahun ini marilah kita bersama menghayati semangat dan inti permahsyoran ini dalam mendorong kemajuan negara, di mana hak setiap warganegara berdasarkan prinsip kebebasan tadi terus dipelihara," katanya.

Kerajaan negeri Selangor, katanya, akan sedaya upaya memastikan semangat permahsyoran ini sentiasa didokong dalam urus tadbir kerajaan dan semasa menangani pelbagai isu yang berlaku dari semasa ke semasa.

Beliau mengajak seluruh warga negara Malaysia, khususnya di Selangor, menghayati semangat permahsyoran ini agar kehidupan bernegara dan bermasyarakat dapat berlangsung secara berprinsip dan boleh dibanggakan.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/174401>